

**NILAI KEPIMPINAN ISLAM DALAM KERAJAAN UTHMANIYAH:
ANALISIS TERHADAP EMPAT PEMIMPIN UTAMA PADA ERA AWAL**

*(The Values of Islamic Leadership in the Ottoman Empire: An Analysis
of the Four Early Leaders)*

Ainur Mardhiah Mazlan* & Muhammad Khalis Ibrahim**

Abstrak

Di saat dunia Islam hari ini berdepan krisis kepemimpinan, sejarah awal Kerajaan Uthmaniyah membuka kembali ruang renungan tentang bagaimana nilai kepemimpinan Islam mampu membentuk sebuah kerajaan yang gemilang dan berjaya menguasai tiga benua selama lebih enam abad. Walaupun sejarah awal Kerajaan Uthmaniyah sering diperbahaskan, namun kebanyakannya hanya menyentuh aspek politik, ketenteraan dan perluasan wilayah semata-mata, sedangkan dimensi nilai kepemimpinan Islam yang sebenarnya menjadi tunjang kepada kekuatan dan kelangsungan kerajaan tersebut kurang diberi perhatian secara holistik. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis nilai kepemimpinan Islam yang diamalkan oleh tokoh-tokoh awal Kerajaan Uthmaniyah serta menilai kerelevanannya terhadap kepemimpinan umat Islam kontemporari. Kajian kualitatif ini dijalankan berasaskan analisis perbandingan terhadap empat pemimpin utama Kerajaan Uthmaniyyah pada era awal, iaitu Uthman I, Sultan Muhammad II, Sultan Selim I dan Sultan Sulaiman I. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai kepemimpinan menjadi faktor penentu kepada kegemilangan tampuk kepimpinan Kerajaan Uthmaniyah pada era awal. Nilai kepemimpinan ini bukan sahaja berupaya membentuk kekuatan ketenteraan dan kewibawaan politik, malah ia turut mencipta sebuah pemerintahan yang mesra rakyat serta disegani oleh kerajaan-kerajaan lain yang sezaman dengannya. Kajian ini menyumbang kepada wacana kontemporari mengenai krisis kepemimpinan umat Islam dengan menawarkan model kepemimpinan Kerajaan Uthmaniyah sebagai teladan dan rujukan yang relevan dalam usaha menghidupkan kembali semangat dan nilai kepimpinan berwibawa di peringkat generasi muda Islam.

Kata kunci: *Kerajaan Uthmaniyah, nilai kepimpinan Islam, Uthman I, Sultan Muhammad II, Sultan Selim I, Sultan Sulaiman I*

Abstract

At a time when the Muslim world is facing a leadership crisis, the early history of the Ottoman Empire offers an opportunity for reflection on how Islamic leadership values were able to shape a great civilization that successfully ruled over three continents for more than six centuries. Although the early history of the Ottoman Empire has been widely discussed, most studies have focused primarily on political, military, and territorial aspects, while the dimension of Islamic leadership values, which in fact served as the foundation of the empire's strength and longevity, has received relatively little holistic attention. Therefore, this article aims to analyze the Islamic

* Ainur Mardhiah Mazlan. Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: ainurmardhiah83@gmail.com

** Muhammad Khalis Ibrahim (corresponding author) (PhD). Senior Lecturer, Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: m_khalis@um.edu.my

leadership values practiced by the early Ottoman leaders and to assess their relevance to contemporary Muslim leadership. This qualitative study is based on a comparative analysis of four prominent leaders of the early Ottoman period, namely Osman I, Sultan Mehmed II, Sultan Selim I, and Sultan Suleiman I. The findings reveal that leadership values were a decisive factor in the success of Ottoman Empire during its early period. These values not only strengthened the empire's military power and political authority but also fostered a people-friendly administration respected by other contemporary states. This study contributes to contemporary discourse on the leadership crisis in the Muslim world by offering the Ottoman leadership model as a relevant example and reference for reviving the spirit and values of capable leadership among the younger Muslim generation.

Keywords: Ottoman Empire, values of Islamic leadership, Osman I, Sultan Mehmed II, Sultan Selim I, Sultan Suleiman I

Pengenalan

Sejarah membuktikan bahawa kekuatan sesebuah tamadun bukan hanya terletak pada pedang dan strategi peperangan yang mantap semata-mata, tetapi lebih utama pada nilai kepimpinan yang terasnya berpaksikan iman yang kukuh. Kerajaan Uthmaniyah, yang berdiri megah selama lebih enam abad (1299-1924) menjadi saksi nyata bagaimana kepimpinan Islam mampu membina sebuah kerajaan yang unggul dan agung dipersada dunia.¹ Kerajaan ini diasaskan pada tahun 1299 Masihi oleh Uthman I di kawasan Sogut, Anatolia Barat, sebuah kawasan yang terletak di negara Turki pada hari ini.² Bermula daripada sebuah kerajaan kecil (*beylik*) yang mewarisi tanah peninggalan Kesultanan Seljuk, kerajaan ini akhirnya berkembang pesat sehingga mencapai puncak kegemilangan di bawah pemerintahan Sultan Sulaiman I dengan berhasil menakluki tiga benua iaitu Asia Barat, Afrika Utara dan Eropah Timur.³

Perbahasan akademik mengenai sejarah Kerajaan Uthmaniyah dari aspek politik, ketenteraan dan hubungan antarabangsa sering kali menjadi topik utama kajian oleh para pengkaji sejarah Uthmaniyah. Namun begitu, kajian yang menekankan nilai-nilai kepimpinan Islam dalam pemerintahan awal kerajaan ini masih kurang diberikan perhatian dan menjadi asas perbahasan. Kebanyakan pengkaji lebih gemar menyorot kepada aspek ketenteraan seperti pembukaan Kota Constantinople oleh Sultan Muhammad II atau perluasan wilayah yang dilaksanakan oleh Sultan Sulaiman I, tetapi kurang menekankan bagaimana nilai-nilai Islam seperti keberanian, keadilan, ketaqwaan dan kebijaksanaan yang sudah tentunya menjadi teras kepada kejayaan tersebut.

Dalam konteks kontemporari, dapat diperhatikan umat Islam berdepan dengan krisis kepimpinan yang kompleks. Fenomena politik tidak stabil, gejala rasuah, kepentingan peribadi yang mendahului kepentingan masyarakat serta kehilangan arah dalam membawa misi dan visi ummah menjadi antara cabaran yang konkrit bagi setiap pemimpin. Keadaan ini menimbulkan persoalan signifikan tentang bagaimana model kepimpinan Islam terdahulu berupaya untuk diteladani bagi menangani keperluan semasa. Justeru, mengimbas kembali nilai kepimpinan

¹ Abu Hanifah Haris, "Sejarah Kerajaan Uthmaniyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 hingga Abad Ke-20," *Journal of Al-Tamaddun* 15.1 (2020), 85.

² Ahmad Fu'ad Mutawalli & Huwaida Muhammad Fahmi, *Tarikh al-Daulah al-Uthmaniyah: Munzu Nashatiha hatta Nihayah al- 'Asr al-Zahabi* (Sejarah Kerajaan Uthmaniyah: Sejak Kemunculannya sehingga Akhir Zaman Keemasan), (al-Qahirah: Itrak lil Nashr wa al-Tauzi', 2005), 30.

³ Abu Hanifah Haris, "Sejarah Kerajaan Uthmaniyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 hingga Abad Ke-20," *Journal of Al-Tamaddun* 15.1 (2020), 86.

Islam dalam sejarah Kerajaan Uthmaniyah bukan sahaja memberi kefahaman yang jelas tentang rahsia kejayaan mereka, bahkan mampu menjadi panduan utama bagi membentuk kepimpinan umat Islam yang lebih berwibawa.

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis nilai kepimpinan Islam yang diamalkan oleh tokoh-tokoh awal Kerajaan Uthmaniyah serta menilai kerelevanannya terhadap kepimpinan umat Islam kontemporari. Kajian kualitatif ini dijalankan berasaskan analisis perbandingan terhadap empat pemimpin utama Kerajaan Uthmaniyyah pada era awal, iaitu Uthman I, Sultan Muhammad II, Sultan Selim I dan Sultan Sulaiman I.

Sorotan Kajian Lepas

Kajian yang berkaitan dengan kepimpinan Uthmaniyah telah banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas dan perbahasan mengenainya masih berterusan sehingga ke hari ini. Khilafah Uthmaniyah dikenali sebagai kerajaan teragung dalam sejarah Islam sehinggakan ramai para pengkaji menulis kajian tentang perkembangan kerajaan tersebut dari peringkat awal penubuhan sehingga peringkat pembubaran pemerintahan Khilafah Uthmaniyah. Berdasarkan penulisan oleh Mohd Roslan Mohd Nor⁴ mengenai sejarah kebangkitan dan kejatuhan Kerajaan Uthmaniyah, pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah telah dipecahkan kepada: (i) peringkat awal penubuhan (1299-1453); (ii) perkembangan dan pengukuhan (1453-1682); (iii) perkembangan mendatar, kebangkitan nasionalisme dan cabaran pihak Barat (1683-1827); (iv) kemerosotan dan kejatuhan (1828-1908); dan (v) pembubaran pemerintahan (1908-1924). Rentetan daripada itu, Kerajaan Uthmaniyah mula terubuh pada 1 November 1922 apabila ia tidak lagi menjadi sebuah negara atau kerajaan yang mempunyai sistem pemerintahan monarki. Lantaran itu, pada 29 Oktober 1923, secara rasminya kerajaan tersebut bertukar menjadi Republik Turki.⁵

Kajian oleh Mehmet Maksudoglu dalam buku beliau yang bertajuk “Osmanli History 1289-1922” menjelaskan bahawa, menurut sumber daripada rakyat Uthmaniyah sendiri, penubuhan Khilafah Uthmaniyah sebenarnya adalah pada tahun 1289 bukannya pada tahun 1299 seperti yang diramalkan secara umum dalam pelbagai sumber sekunder yang lain.⁶ Malah, dalam bukunya juga, beliau menekankan bahawa sistem pemerintahan Uthmaniyah adalah suatu sistem yang unik kerana ia menggabungkan prinsip-prinsip Islam dengan struktur pentadbiran yang fleksibel dan teratur. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa kestabilan khilafah ini amat bergantung kepada kecekapan pentadbiran dan penghayatan nilai-nilai seperti keadilan dan keseimbangan, yang menjadi asas utama polisi pemerintahan Khilafah Uthmaniyah.

⁴ Mohd Roslan Mohd Nor, “Sejarah Ringkas Kebangkitan dan Kejatuhan Kerajaan Islam Uthmaniyyah,” dalam *Baldatun Tayyibah Model Uthmaniyyah, Sejarah Perkembangan dan Kejatuhan Pemerintah Islam Uthmaniyyah: Teladan dan Sempadan*, ed. Mohd Roslan Mohd Nor dan Mohamad Zamri Mohamed Shapik (Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia, 2011).

⁵ Mohd Roslan Mohd Nor, “Sejarah Ringkas Kebangkitan dan Kejatuhan Kerajaan Islam Uthmaniyyah,” dalam *Baldatun Tayyibah Model Uthmaniyyah, Sejarah Perkembangan dan Kejatuhan Pemerintah Islam Uthmaniyyah: Teladan dan Sempadan*, ed. Mohd Roslan Mohd Nor dan Mohamad Zamri Mohamed Shapik (Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia, 2011)

⁶ Mehmet Maksudoglu, *Osmanli History 1289-1922: Based on Osmanli sources*, (Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 1999), 1.

Kajian seumpama Maksudoglu turut dihasilkan oleh Ahmed Akgunduz dan Said Ozturk.⁷ *Ottoman History: Misperceptions and Truths* merupakan kompilasi pensejarahan Uthmaniyah bermula dari awal penubuhannya hingga pembubarannya. Matlamat utama kajian ini adalah untuk menjelaskan pemesongan fakta yang kerap dilakukan oleh penulis-penulis sejarah Uthmaniyah. Justeru, orientasi perbincangannya lebih bersifat menjelaskan pemalsuan fakta dan menyanggah dakwaan tidak benar yang disifatkan telah mewarnai landskap pensejarahan Kerajaan Uthmaniyah selama ini. Kajian ini turut membawa perspektif baharu bahawa permulaan penubuhan Kerajaan Uthmaniyah bukan 1299 (yang dipegang oleh kebanyakan sejarawan) mahupun 1289 (yang diujahkan oleh Maksudoglu), sebaliknya pada tahun 1300, bersamaan 4 Jamadil Awal 699 Hijrah, berdasarkan catatan dalam satu almanak. Kerana sifatnya yang merupakan kompilasi kepada sejarah Kerajaan Uthmaniyah, kajian ini turut memberikan perhatian kepada perbincangan biografi kesemua sultan Uthmaniyah.

Selain itu, dalam kajian Abdul-Ramae Sulong, beliau menerangkan berkenaan pemikiran Syekh Wan bin Muhammad Zain al-Fatani berkaitan kerajaan Turki Uthmaniyah.⁸ Dalam penulisan beliau, kerajaan Uthmaniyah sebenarnya telah wujud sejak 680 Hijrah yang ditubuhkan oleh Uthman bin Ertugrul. Malah, beliau turut menerangkan bagaimana kerajaan ini berkembang dan meluaskan pengaruhnya di setiap pelusuk dunia menerusi para pemerintah yang handal sebelum tiba zaman kejatuhan kerajaan tersebut. Selama 634 tahun pemerintahan, terdapat 36 orang pemerintah semasa era Khilafah Uthmaniyah yang tercatat dalam sumber sejarah. Namun begitu, pada abad ke-15 dan 16, hanya beberapa pemerintah sahaja yang berjaya memperkembangkan khilafah ini sehingga kuasa yang lain tunduk dengan kekuatan dan kehandalan Khilafah Uthmaniyah.

Menerusi kajian yang dihasilkan oleh Abu Hanifah mengenai Kerajaan Uthmaniyah dan sumbangannya dalam bidang sosiopolitik dari abad ke-14 hingga abad ke-19 menjelaskan dengan terperinci berkaitan sumbangan setiap pemerintah-pemerintah Uthmaniyah semasa pentadbiran mereka yang bermula pada abad ke-14 iaitu dari tahun 1300 hingga pada tahun 1924 Masihi.⁹ Beliau turut menerangkan bahawa setiap sultan yang memerintah khilafah tersebut mempunyai sumbangan yang besar seperti contoh penubuhan Pasukan Jannisari yang dipelopori oleh Sultan Murad V, penaklukan kota Constantinopel oleh Sultan Mehmed II dan banyak lagi sultan yang mempunyai sumbangan besar kepada Khilafah Uthmaniyah telah dibahaskan secara holistik dalam artikel beliau.

Rentetan daripada itu, dalam penulisan Mohd Roslan Mohd Nor, beliau menyatakan bahawa Khilafah Uthmaniyah mula terbubar pada 1 November 1922 apabila ia tidak lagi menjadi sebuah negara atau kerajaan yang mempunyai sistem pemerintahan monarki. Lantaran itu, pada 29 Oktober 1923, secara rasminya kerajaan tersebut bertukar menjadi Republik Turki.¹⁰ Namun begitu, kejatuhan Khilafah Uthmaniyah sebenarnya bermula pada akhir Perang Dunia I. Hal ini diperincikan menerusi penulisan Ahmad Fuad Fanani yang bertajuk “The Ottoman Empire: Its Rise, Decline and Collapse”, di mana beliau memetik dari penulisan Binnaz Toprak, bahawa kekalahan dalam peperangan tersebut telah diiringi oleh pendudukan

⁷ Ahmed Akgunduz dan Said Ozturk, *Ottoman History: Misperceptions and Truths* (Rotterdam: IUR Press, 2011).

⁸ Abdul-Ramae Sulong, “Pemikiran Turki Uthmaniyah Menurut Syekh Wan bin Muhammad Zain Al-Fatani,” dalam *Hadiqar al-Azhar wa al-Rayahin*, (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2013).

⁹ Abu Hanifah Haris, “Sejarah Kerajaan Turki Uthmaniyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 hingga Abad Ke-20,” *Journal of Al-Tamaddun* 15.1 (2020), 86.

¹⁰ Mohd Roslan Mohd Nor, “Sejarah Ringkas Kebangkitan dan Kejatuhan Kerajaan Islam Uthmaniyyah,” dalam *Baldatun Tayyibah Model Uthmaniyyah, Sejarah Perkembangan dan Kejatuhan Pemerintah Islam Uthmaniyyah: Teladan dan Sempadan*, ed. Mohd Roslan Mohd Nor dan Mohamad Zamri Mohamed Shapik (Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia, 2011)

kuasa-kuasa Barat ke dalam wilayah yang pernah dikuasai oleh Khilafah Uthmaniyah. Pada akhirnya, Mustafa Kemal Atatürk yang merupakan Presiden Turki pada ketika itu telah mengisytiharkan Khilafah Uthmaniyah sebagai sebuah kerajaan Republik Turki.¹¹

Secara keseluruhan, kajian-kajian yang membincangkan mengenai sejarah Kerajaan Uthmaniyah sememangnya telah dilakukan secara meluas. Namun, kajian-kajian sedia ada lebih fokus kepada pensejarahan Uthmaniyah secara umum, bermula dari penubuhannya hingga pembubarannya, institusi-institusi penting Uthmaniyah serta tempoh-tempoh tertentu sepanjang ia berkuasa. Manakala kajian-kajian yang menumpukan kepada perbincangan biografikal pula lebih berkitar kepada sosok sultan itu sendiri dan tidak memberikan perhatian khusus kepada nilai kepimpinan Islam.

Uthman I: Pengasas Kerajaan Uthmaniyah

1. Latar Belakang

Uthman I atau Uthman Gazi dilahirkan pada tahun 1258 Masihi di bandar Söğüt, Anatolia Barat. Beliau merupakan anak kepada Ertuğrul Gazi, pemimpin suku Kayi daripada puak Oghuz Turki. Kelahirannya bersamaan dengan tahun kejatuhan Baghdad di tangan Mongol, atau lebih tepat lagi di tangan Hulagu Khan iaitu cucu Genghiz Khan. Peristiwa tersebut merupakan satu peristiwa terbesar dalam sejarah Islam.¹² Beliau juga merupakan ketua suku Turkik Kayi, salah satu pemerintah sempadan kepada Kesultanan Rom dan pengasas Khilafah Uthmaniyah yang kemudiannya memerintah wilayah Balkan, Anatolia, Syam dan Afrika Utara selama lebih 600 tahun, sebelum tamat dengan penubuhan Republik Turki pada tahun 1922.¹³ Uthman I menjadi Emir dan ketua puaknya serta tetap setia kepada Kesultanan Seljuk walaupun pada ketika itu, kerajaan tersebut berada dalam kemerosotan dan berhadapan ancaman besar.

Uthman I memulakan aktiviti ketenteraan dan peranan politiknya dengan mendepani pelbagai tekanan dari pihak Byzantine di wilayahnya. Selepas kematian ayahnya pada tahun 1281 Masihi, Uthman I telah mengambil alih kepimpinan suku Kayi. Beliau memulakan pengembangan wilayah dengan menyatukan bangsa Turkmen.¹⁴ Menurut beberapa ahli sejarah, pelantikan Uthman I sebagai pemimpin puaknya tidaklah aman kerana beliau terpaksa bergelut dengan saudara-maranya sebelum beliau menguasai kepimpinan suku Kayi tersebut. Salah seorang saingan utama Uthman I ialah bapa saudaranya Dundar Bey, yang mana beliau telah merancang untuk membunuh anak saudaranya dan melakukan pemberontakan terhadapnya apabila Uthman I memutuskan untuk menyerang sebuah pulau kecil Yunani (Greek). Oleh kerana itu, Dundar Bey telah menarik diri dari menyokong beliau kerana Dundar Bey mempunyai hubungan yang erat dengan kerajaan Kristian Byzantine.¹⁵

Menjelang akhir abad ke-13, Kesultanan Seljuk yang dahulunya pernah menjadi kuasa dominan di Anatolia, kini berada dalam keadaan yang sangat lemah akibat tekanan tentera Mongol dan beberapa konflik dalaman yang berlaku. Hal ini memberi peluang kepada pemerintah sempadan seperti Uthman I untuk memperkukuhkan kedudukan mereka. Semasa

¹¹ Ahmad Fuad Fanani, "The Ottoman Empire: Its Rise, Decline and Collapse," *Jurnal Salam* 14.1 (2011)

¹² Mohd Fikri Che Hussain, *Era Kebangkitan Kerajaan Uthmaniyah: Osman Gazi* (Selangor: Hijjaz Records Publishing, 2018), 52.

¹³ Bassem Fleifel et al., "Osman I, Father of Kings," *WikiJournal of Humanities* 4.1 (2021), 1.

¹⁴ Mohd Fikri Che Hussain, *Era Kebangkitan Kerajaan Uthmaniyah: Osman Gazi* (Selangor: Hijjaz Records Publishing, 2018), 54.

¹⁵ Bassem Fleifel et al., "Osman I, Father of Kings," *WikiJournal of Humanities* 4.1 (2021), 4.

karier Uthman I semakin kukuh dan berkembang, Sultan ‘Alauddin Keykubat III telah diusir dari takhtanya dan peristiwa pada tahun 1299 itu telah mengakhiri pemerintahan Kesultanan Seljuk sekali gus menjadi tahun pertama era pemerintahan Uthmaniyah yang dipimpin oleh Uthman I. Tambahan lagi, dalam tahun yang sama, pusat pemerintahan dan pentadbiran telah dipindahkan ke bandar Bilecik. Uthman I turut mengisytiharkan kemerdekaan bagi wilayahnya dan menubuhkan sebuah kerajaan baharu iaitu Kerajaan Uthmaniyah. Beliau mula bertindak sebagai pemerintah bebas, mewujudkan struktur pentadbiran yang sistematik serta melaksanakan beberapa dasar kerajaan secara autonomi. Tindakan beliau ini jelas membuktikan bahawa telah bermulanya asas kepada penubuhan kerajaan Islam yang bakal mendominasi dunia.¹⁶ Sepanjang memegang tampuk kepimpinan kerajaan tersebut, beliau berjaya menakluki beberapa wilayah dan kawasan antaranya Bilecik (Belokome), kubu-kubu di sekitar Sungai Sakarya, Mekece, Alhisar, Gölpazarı dan sebagainya. Pada tahun-tahun terakhir sebelum kemangkatannya, segala urusan pentadbiran dan ekspedisi ketenteraan telah diserahkan kepada puteranya, Orhan. Uthman I telah mangkat pada tahun 1326 ketika melaksanakan kempen ketenteraan ke atas Bursa yang diketuai puteranya, Orhan. Jasad beliau telah dimakamkan di Söğüt dan kemudiannya dipindahkan ke Bursa.¹⁷

2. Nilai-Nilai Kepimpinan Uthman I

Keberanian dan Strategi Ketenteraan

Uthman I dikenali sebagai seorang pemimpin yang tidak mengenal erti gentar dalam menghadapi musuh, walaupun hanya dengan kekuatan ketenteraan yang lebih kecil daripada pihak musuh. Sebagai seorang Bey (pemimpin wilayah sempadan) kepada Kesultanan Seljuk, Uthman I mengambil peranan aktif dalam mempertahankan wilayahnya daripada serangan musuh seperti tentera Byzantine dan kuasa luar lain. Dengan keberanian yang dimiliki olehnya, beliau berjaya berhadapan dengan ancaman dari Empayar Byzantine yang lebih besar dan berpengalaman dalam aspek ketenteraan. Beliau secara berterusan melancarkan serangan demi serangan ke atas kota-kota Byzantine yang mana ia merupakan antara tempat yang strategik dan memiliki pertahanan yang kukuh termasuk Karacahisar, Bilecik, Yarhisar dan İnégöl. Tindakan dan semangat keberanian yang ditonjolkan oleh Uthman I ini mencerminkan kecekalan beliau dalam menentang musuh-musuh Islam walaupun berhadapan dengan ketidakseimbangan dari aspek kekuatan tentera dan sokongan dari negara-negara luar.

Kerajaan Uthmaniyah berjaya mengalahkan tentera Kristian Byzantine dalam Pertempuran Bapheus di Koyunhisar pada tahun 1302. Hal ini merupakan salah satu bukti terbesar keberanian Uthman I, yang mana pertempuran ini merupakan pertempuran besar yang pertama antara Kerajaan Uthmaniyah dan Byzantine. Uthman I dan bala tenteranya yang terdiri daripada pejuang-pejuang sempadan (gazi) akhirnya berjaya menewaskan tentera Byzantine di bawah pimpinan George Mouzalon. Kemenangan ini sedikit sebanyak membolehkan kerajaan Islam ini menguasai beberapa lagi wilayah penting di barat laut Anatolia serta memperkukuh kedudukannya di kawasan Bithynia, berhampiran pantai Laut Marmara. Pada tahun 1303, Iznik dan kota pertahanan Marmaracik berjaya ditawan oleh Uthman I. Dalam satu pertempuran pada hujung tahun 1306 yang dikenali sebagai Perang Dinboz, beberapa buah kota pertahanan

¹⁶ Mohd Fikri Che Hussain, *Era Kebangkitan Kerajaan Uthmaniyah: Osman Gazi* (Selangor: Hijjaz Records Publishing, 2018), 55.

¹⁷ Haziq Azhar, “Osman I dan Kisah Kebangkitan Empayar Turki Uthmaniyah,” laman sesawang Jejak Tarbiah, diakses 26 April 2025, <https://www.jtbbooks.my/sultan-osman-i-dan-kisah-kebangkitan-empayar-turki-uthmaniyyah/>

Byzantine seperti Kestel, Kete dan Ulubat telah ditawan dan satu perjanjian ketenteraan yang pertama bagi Kerajaan Uthmaniyah ditandatangani oleh Uthman I.¹⁸

Uthman I tidak hanya bergantung sepenuhnya kepada kekuatan fizikal tenteranya, malah beliau turut menggunakan taktik diplomatik dan psikologi peperangan yang berkesan. Antara strategi yang diaplikasikan oleh Uthman I ketika menyerang musuh ialah menggunakan taktik serangan mengejut ke atas penempatan musuh, menyerang secara terancang pada waktu malam atau melalui laluan-laluan hutan yang tidak dijangka oleh pihak musuh. Hal ini menyebabkan musuh hilang arah dan membuka peluang kepada Uthman I untuk menawan kawasan tersebut dengan pantas tanpa sebarang halangan. Antara serangan mengejut yang dilakukan oleh Uthman I ialah ketika beliau menyerang kubu Byzantine di Karacahisar pada tahun 1286.¹⁹ Hal ini menunjukkan kebijaksanaan beliau dalam memilih masa serangan yang tepat bagi melemahkan dan mengelirukan musuh.

Selain daripada itu, Uthman I juga amat pintar berpolitik. Beliau memulakan tekanan terhadap Empayar Byzantine dengan menguasai laluan dagangan utama. Impaknya, ramai rakyat Byzantine termasuk putera raja dan golongan bangsawan yang memeluk agama Islam. Köse Mihal merupakan seorang putera raja di wilayah Harmankaya, salah seorang yang berjaya memeluk Islam dan menjadi penyokong setia Kerajaan Uthmaniyah bersama tentera serta para pembantu pentadbirannya. Beliau sendiri membantu kerajaan ini dengan menawan beberapa wilayah seperti Lefke, Meceke dan Akhisar bagi pihak Uthmaniyah.²⁰ Seperkara lagi, Uthman I juga menggunakan teknik kepungan berpanjangan ketika melakukan serangan ke atas musuh. Uthman I mengaplikasikan taktik ini semasa berada di Bursa, di mana beliau telah menyekat semua laluan bekalan ke Bursa selama hampir 9 tahun sehingga kota itu menyerah tanpa berlakunya pertumpahan darah yang besar.²¹ Strategi ini kemudiannya diaplikasikan dalam pembukaan Kota Constantinople oleh Sultan Muhammad II pada tahun 1453.

Keadilan dan Kesederhanaan

Uthman I merupakan seorang pemimpin yang adil dan saksama kerana beliau sentiasa menekankan aspek keadilan sebagai teras pemerintahannya. Beliau telah menubuhkan struktur pentadbiran yang berpandukan prinsip syariah Islam, di mana beliau telah melantik hakim (*qadi*) bagi memastikan pelaksanaan keadilan dalam wilayah-wilayah yang ditaklukinya sentiasa terjamin dan tiada berlakunya sebarang penindasan. Seperti contoh, selepas menakluki Karacahisar, Uthman I telah melantik *qadi* dan *subasi* (ketua polis) di bandar tersebut.²² Hal ini merupakan pendekatan awal yang mengutamakan integriti dan ketelusan dalam sistem pemerintahan walaupun kerajaan Islam tersebut pada ketika itu masih dalam era permulaan.

Beliau turut melindungi hak penduduk bukan Islam, di mana Uthman I menunjukkan toleransi terhadap masyarakat bukan Islam terutamanya semasa penaklukan kota-kota Byzantine. Penduduk tempatan tidak dipaksa untuk menukar agama dan mereka dibenarkan mengamalkan ajaran agama masing-masing walaupun berada di bawah kepimpinan Islam.

¹⁸ Mohd Fikri Che Hussain, *Era Kebangkitan Kerajaan Uthmaniyah: Osman Gazi* (Selangor: Hijjaz Records Publishing, 2018), 57.

¹⁹ Bassem Fleifel et al., "Osman I, Father of Kings," *WikiJournal of Humanities* 4.1 (2021), 7.

²⁰ Mohd Fikri Che Hussain, *Era Kebangkitan Kerajaan Uthmaniyah: Osman Gazi* (Selangor: Hijjaz Records Publishing, 2018), 57.

²¹ Bassem Fleifel et al., "Osman I, Father of Kings," *WikiJournal of Humanities* 4.1 (2021), 11.

²² Rasit Gundogdu, *The Sultans Of The Ottoman Empire: Osman Ghazi* (Istanbul: Rumuz Publishing, 2017), 14.

Malah, Uthman I sentiasa menjamin hak semua rakyat di bawah takluknya dan tidak menindas mereka. Hanya *jizyah* (cukai perlindungan) sahaja yang dikenakan kepada penduduk bukan Islam. Hal ini merupakan manifestasi keadilan Islam yang melindungi hak minoriti, selaras dengan syariat Islam dan semangat daripada Piagam Madinah.²³

Walaupun berkuasa, Uthman I masih mengekalkan kehidupan secara bersederhana, mengamalkan nilai-nilai sufi dan tradisi Turkik. Berbeza dengan penguasa sezamannya yang cenderung kepada kemewahan, Uthman I hidup dengan penuh kesederhanaan. Menurut sumber sejarah, beliau menolak kemewahan dan kekal hidup seperti rakyat biasa walaupun kekuasaannya semakin meluas dan berkembang di seluruh pelusuk dunia. Penampilan beliau juga sangat menyerupai rakyat biasa, di mana beliau sering mengenakan penutup kepada *horasan* seperti penampilan yang sering ditemui di Cagatay.²⁴ Beliau juga sering membantu orang yang kurang bernasib baik dan kerap memberikan baju yang dipakainya kepada orang miskin. Setiap waktu tengahari, beliau akan menyediakan makanan kepada golongan miskin di rumahnya. Gaya kepimpinan ini menjadikan beliau lebih dekat di hati rakyat dan menyemarakkan lagi semangat kesetiaan dan cinta kepada pemimpin.

Pendekatan Uthman I dalam mentadbir wilayah juga menekankan aspek kesederhanaan. Beliau tidak membebankan rakyat dengan kadar cukai yang terlalu tinggi, tidak menggunakan kuasa secara mutlak tanpa nasihat daripada golongan penasihat serta sentiasa merujuk kepada pakar dan ulama seperti Sheikh Edebali dalam membuat keputusan penting terutamanya dalam aspek yang melibatkan Islam. Hal ini menunjukkan bahawa kepimpinan beliau bukanlah bersifat autokratik, bahkan lebih berpaksikan kepada prinsip syura dan mementingkan agama dan kebajikan rakyat jelata. Malah, tiada catatan sejarah yang menunjukkan Uthman I menggunakan kekerasan terhadap rakyatnya atau menunjukkan kerakusan terhadap kekayaan. Kesederhanaan ini terbukti apabila beliau mampu membina sistem pentadbiran yang lebih inklusif dan terbuka serta memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat termasuk rakyat yang bukan beragama Islam untuk hidup aman dan sentosa di bawah pemerintahannya.²⁵

Keteguhan Keimanan

Salah satu aspek paling menonjol dalam kehidupan Uthman I ialah hubungannya dengan Sheikh Edebali. Beliau merupakan seorang ulama sufi yang sangat dihormati di Anatolia. Uthman I sering mengunjungi rumah Sheikh Edebali, yang mana rumah Sheikh tersebut menjadi pusat pertemuan kelompok sufi di Eskisehir Sultanonu.²⁶ Beliau telah mendalami ilmu agama dan mendapatkan nasihat rohani dan spiritual secara langsung dengan Sheikh Edebali. Sheikh Edebali bukan sahaja menjadi mentor keagamaan bagi Uthman I, bahkan merangkap bapa mertua kepada Uthman I apabila beliau mengahwini anak perempuan Edebali, Rabia Bala Hatun. Salah satu peristiwa penting yang sering dikaitkan dengan keteguhan keimanan Uthman I ialah mimpi Uthman I, yang berlaku semasa beliau tidur di rumah Sheikh Edebali. Beliau menemui Sheikh Edebali dan menceritakan mimpinya itu. Dalam mimpi tersebut, beliau

²³ "Osman I," laman sesawang Britannica, diakses 26 April 2025, <https://www.britannica.com/biography/Osman-I>

²⁴ Mohd Fikri Che Hussain, *Era Kebangkitan Kerajaan Uthmaniyah: Osman Gazi* (Selangor: Hijjaz Records Publishing, 2018), 52.

²⁵ Bassem Fleifel et al., "Osman I, Father of Kings," *WikiJournal of Humanities* 4.1 (2021), 1-16.

²⁶ "Osman Gazi," laman sesawang The Ottomans, diakses 26 April 2025, <http://www.theottomans.org/english/family/osman.asp>

melihat bulan keluar dari dada Sheikh Edebali dan bertukar menjadi bunga mawar lalu bunga tersebut hinggap di dada Uthman I. Kemudian, daripada tubuh Uthman I, telah tumbuh seponoh pokok besar yang menaungi seluruh dunia. Mimpi tersebut ditafsirkan oleh Sheikh Edebali sebagai petanda bahawa Uthman I dan seluruh keturunannya akan memerintah dunia Islam dengan keadilan dan dipenuhi dengan keberkatan ilahi.²⁷

Kepimpinan dalam Islam tidak hanya diukur melalui kekuatan ketenteraan atau kejayaan dalam pemerintahan politik semata-mata, akan tetapi ia dinilai berdasarkan sejauh mana seseorang pemimpin melaksanakan tanggungjawabnya mengikut nilai-nilai Islam seperti keadilan, amanah, syura dan taqwa. Dalam konteks kajian ini, Uthman I, pengasas Kerajaan Uthmaniyah, sentiasa memperlihatkan model kepimpinan yang berpaksikan nilai-nilai Islam yang luhur. Walaupun beliau bukanlah seorang ulama, Uthman I tetap berusaha dalam membina asas pemerintahan yang berteraskan agama Islam yang kemudiannya diteruskan dan diperkukuh oleh seluruh keturunannya selama lebih 600 tahun.

Selain penaklukan ketenteraan, Uthman I turut menekankan penyebaran Islam secara damai melalui metode dakwah dan akhlak mulia. Dalam setiap ekspedisinya, beliau tidak pernah lupa untuk menyampaikan dakwah Islam. Beliau sendiri berusaha menunjukkan akhlak yang baik dan natijahnya beliau berjaya menarik perhatian orang ramai kepadanya. Sehingga apabila beliau bertemu dengan salah seorang panglima tentera Kristian di Bursa dalam usaha rundingan dengannya, panglima tersebut akhirnya memeluk Islam dan diberi gelaran Bey. Malah, panglima tersebut juga kemudiannya menjadi salah seorang panglima Uthmaniyah yang turut menyumbangkan jasa dan bakti kepada perkembangan wilayah yang dinaungi oleh Kerajaan Uthmaniyah.²⁸

Sultan Muhammad II (Mehmed II, *al-Fatih*): Pembuka Kota Constantinople

1. Latar Belakang

Dalam sejarah Islam dan dunia, nama Sultan Muhammad II terpahat sebagai salah seorang pemimpin paling berpengaruh dan berjasa besar dalam menegakkan syiar Islam. Beliau bukan sahaja dikenang sebagai pembuka kota Constantinople, tetapi juga merupakan pemimpin yang berwawasan tinggi, adil dan pencinta ilmu. Dengan keberanian, strategi ketenteraan yang luar biasa serta pemikirannya yang strategik, Sultan Muhammad II membuktikan bahawa dengan penguasaan iman, ilmu dan ketekunan, benteng terkuat empayar Byzantine sekalipun mampu ditundukkan. Sultan Muhammad II atau nama sebenarnya Muhammad bin Murad bin Beyazid dilahirkan pada tahun 1432 di Edirne, ibu kota Kerajaan Uthmaniyah pada ketika itu. Beliau merupakan putera kepada Sultan Murad II dan Huma Hatun. Sejak kecil, Sultan Muhammad II dididik secara intensif dalam pelbagai bidang termasuk al-Quran, Hadis, bahasa Arab, Parsi, matematik, astronomi, sejarah dan strategi ketenteraan.²⁹ Beliau turut menerima pendidikan rohani daripada ulama terkenal seperti Sheikh Shamsuddin al-Wali dan Sheikh Muhammad Ismail al-Karuni, yang banyak mempengaruhi pemikiran dan semangat jihadnya. Sheikh Shamsuddin al-Wali juga merupakan penasihat agama ketika Sultan Muhammad II memegang tampuk kepimpinan Kerajaan Uthmaniyah.

²⁷ Mohd Fikri Che Hussain, *Era Kebangkitan Kerajaan Uthmaniyah: Osman Gazi* (Selangor: Hijjaz Records Publishing, 2018), 53.

²⁸ Mohd Fikri Che Hussain, *Era Kebangkitan Kerajaan Uthmaniyah: Osman Gazi* (Selangor: Hijjaz Records Publishing, 2018), 57.

²⁹ Mohd Fikri Che Hussain, *Era Kebangkitan Kerajaan Uthmaniyah: Mehmed Fateh (Mohammed II)* (Selangor: Hijjaz Records Publishing, 2018), 195.

Sultan Muhammad II ditabalkan menjadi sultan pada 5 Muharram 855H bersamaan 7 Februari 1451 ketika beliau berusia 19 tahun. Sepanjang beliau memerintah kerajaan Uthmaniyah selama 30 tahun, sebanyak 25 buah negara yang berjaya ditakluk olehnya. Antaranya ialah Serbia, Greece, Bosnia, Karaman, Albania dan beberapa buah daerah di Venice dan Geneo yang terkenal dengan perkembangan maritimnya.³⁰ Namun begitu, penaklukan terbesar yang pernah dilakukan oleh Sultan Muhammad II dalam sejarah ketamadunan Islam adalah dengan membuka kota Constantinople, sebuah kota besar yang telah diperintah oleh Dinasti Rom selama 11 abad.³¹ Sultan Muhammad II telah menukarkan nama Constantinople kepada Islam Bol yang bermaksud bandar Islam dan kini ia lebih dikenali sebagai Istanbul. Pembukaan kota Constantinople ini dilihat berupaya dalam menyingkap lembaran baharu bagi fasa perubahan dan pembangunan yang lebih adil dan bijaksana dalam urusan pentadbiran yang dipimpin oleh Sultan Muhammad II dan para pembantunya.

Selepas daripada pembukaan kota Constantinople, Sultan Muhammad II berjaya mengembangkan penguasaannya ke beberapa wilayah seperti Serbia pada tahun 1458, menguasai sebahagian besar Peloponnesos (Greek) pada tahun 1460 dan pada 1461 pula, beliau berjaya menguasai Trabzon (Greek). Hal ini sekali gus menyaksikan wilayah terakhir Empayar Byzantine berjaya ditakluki secara keseluruhannya.³² Pada tahun 1462, beliau berjaya menguasai Pulau Lesbos dan pada tahun berikutnya, iaitu tahun 1463, wilayah Bosnia berjaya ditawannya. Seterusnya, pada tahun 1468, Sultan Muhammad II berjaya menawan semula Karaman (Anatolia) yang dahulunya gagal ditakluk dan menguasai sepenuhnya wilayah Peloponnesos (Greek) pada tahun 1470. Setelah beberapa siri peperangan dan penaklukan yang dilaksanakan oleh Sultan Muhammad II, beliau ditimpa kesakitan ketika membuat persiapan dalam misi menyerang kerajaan Mamluk di Syria dan Mesir pada tahun 1481 di Hünkar Çayırı. Selepas beberapa hari daripada kejadian tersebut, beliau meninggal dunia pada 3 Mei 1481 dan dikebumikan di dalam Kompleks Masjid Fatih.³³

2. Nilai-Nilai Kepimpinan Sultan Muhammad II

Keberanian dan Ketekunan

Kejayaan Sultan Muhammad II dalam membuka kota Constantinople menjadikan beliau seorang pemimpin yang dikenang dalam sejarah Islam dan dunia, seorang pemimpin yang memiliki keberanian yang sangat menakjubkan. Malah, kejayaan beliau turut membuktikan bahawa dengan gabungan keberanian, keimanan yang kuat serta semangat yang tidak pernah padam, misi yang dianggap sukar dan mustahil pasti boleh dicapai olehnya. Seperti yang sedia maklum, pembukaan kota Constantinople bukanlah usaha yang remeh dan mudah. Hal ini kerana kota tersebut dilindungi oleh tembok pertahanan yang kukuh, sistem pertahanan air di *Golden Horn* serta mempunyai bantuan ketenteraan yang lengkap daripada pihak Eropah. Namun, keberanian yang dimiliki oleh Sultan Muhammad II membolehkan beliau menakluki

³⁰ Mohd Fikri Che Hussain, *Era Kebangkitan Kerajaan Uthmaniyah: Mehmed Fateh (Mohammed II)* (Selangor: Hijjaz Records Publishing, 2018), 195.

³¹ Nor Asmawati Ismail et al., "Tokoh Tamadun Islam Sultan Muhammad Al-Fatih Dipandang Dari Sudut Personaliti," (Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management, 23-24 November 2019), 4.

³² Gilles Veinstein, "The Great Turk and Europe," dalam *Europe and the Islamic World: A History*, ed. John Tolan, Gilles Veinstein & Henry Laurens (New Jersey: Princeton University Press, 2013), 133.

³³ "About Sultan Mehmed II," laman sesawang Fatih Sultan Mehmet Vakif University, diakses 5 Mei 2025, <https://int.fsm.edu.tr/Uluslararasi-Ofis-About-Us--About-Sultan-Mehmed-II>

kota tersebut dengan jayanya. Malah, sejak muda lagi, beliau telah meyakini janji Rasulullah SAW bahawa kota Constantinople akan ditakluki oleh sebaik-baik pemimpin dan tentera: “*Konstantinopol pasti akan ditakluk. Sebaik-baik pemimpin adalah pemimpinnya, dan sebaik-baik tentera adalah tenteranya.*” (Hadis Riwayat Ahmad)

Berpandukan hadis ini, Sultan Muhammad II membangkitkan semangat tenteranya dan merancang strategi pembukaan kota tersebut dengan penuh azam dan keyakinan yang membara. Walaupun para penasihatnya meragui kemungkinan berhasilnya penaklukan tersebut, namun begitu Sultan Muhammad II tetap berani dan yakin sepenuhnya dalam meneruskan misi besar ini.³⁴

Sultan Muhammad II juga seorang yang bijak dalam merancang dan mengatur strategi peperangan. Beliau sentiasa mempelajari dan meneliti strategi-strategi peperangan yang pernah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW. Sebagai contoh, Sultan Muhammad II mengarahkan bala tenteranya menggunakan laluan yang jarang atau tidak pernah dilalui oleh manusia ketika menuju ke medan peperangan bagi mengelirukan pihak musuh. Beliau juga melakukan penyamaran dan menghantar beberapa perisikan untuk memperoleh maklumat dan informasi berkaitan jumlah kekuatan ketenteraan musuh serta mencari kelemahan dalaman pihak musuh seperti yang dilakukannya ketika menyerang Constantinople.³⁵ Selain daripada itu, Sultan Muhammad II turut memerintahkan pembinaan Rumeli Hisari, sebuah benteng kukuh di tebing Eropah Bosphorus. Hal ini bertujuan untuk menghalang bantuan daripada pihak luar ke arah Constantinople melalui jalan laut. Pembinaan benteng ini menunjukkan ketekunan dan kebijaksanaan beliau dalam memastikan setiap aspek peperangan dipersiapkan dengan teliti dan sistematik.³⁶ Kehebatan Sultan Muhammad II dalam peperangan menyerang Constantinople terserlah apabila beliau berjaya melancarkan 70 buah kapal melalui jalan darat iaitu dari Tophane ke Kasimpasa sehingga berjaya dilabuhkan di Tanduk Emas (Golden Horn) yang jaraknya sejauh tiga batu. Hal ini bertujuan untuk mengatasi satu-satunya halangan pengepungan yang dilakukan oleh pihak musuh, di mana mereka telah meletakkan rantai besi raksasa di sepanjang laluan laut tersebut.³⁷ Sarjana Barat turut bersetuju bagi mengklasifikasikan strategi luar biasa ini sebagai strategi peperangan yang terbaik di dunia, di mana ia menjadi satu taktik yang tidak pernah difikirkan oleh mana-mana panglima tentera sebelum ini. Kejayaan ini juga telah menyemarakkan semangat jihad tentera-tentera Islam serta menghapuskan keyakinan tentera-tentera Byzantine.³⁸

Keadilan dan Toleransi Beragama

Sultan Muhammad II menekankan keadilan sebagai asas pemerintahannya. Selepas berjaya menawan kota Constantinople pada tahun 1453, beliau tidak membalas dendam terhadap semua penduduk yang beragama Kristian yang berada di kota tersebut. Beliau memastikan sistem perundangan Islam dilaksanakan dengan penuh keadilan kepada semua lapisan

³⁴ “Mehmed II,” laman sesawang World History Encyclopedia, diakses 26 April 2025, https://www.worldhistory.org/Mehmed_II/

³⁵ Najmuddin Mohd Nawawi, *Pelajar Dinamik, Penjana Generasi Madani: Teladan Sultan Muhammad Al-Fatih*, Dibentangkan pada Konvensyen Pelajar Islam Kelantan, (18 Jun 2011).

³⁶ “Mehmed II,” laman sesawang Britannica, diakses 27 April 2025, <https://www.britannica.com/biography/Mehmed-II-Ottoman-sultan>

³⁷ Mohd Fikri Che Hussain, *Era Kebangkitan Kerajaan Uthmaniyah: Mehmed Fateh (Mohammed II)* (Selangor: Hijjaz Records Publishing, 2018), 205.

³⁸ Najmuddin Mohd Nawawi, *Pelajar Dinamik, Penjana Generasi Madani: Teladan Sultan Muhammad Al-Fatih*, Dibentangkan pada Konvensyen Pelajar Islam Kelantan, (18 Jun 2011).

masyarakat termasuk golongan bukan Islam. Mahkamah khas diwujudkan untuk mengendalikan urusan kehakiman bagi komuniti Kristian dan Yahudi berdasarkan hukum mereka sendiri, selaras dengan prinsip *ahl al-dhimmah* dalam syariat Islam, iaitu perlindungan terhadap bukan Islam di bawah pemerintahan Islam. Beliau turut memperkenalkan Kanun al-Fatih atau *Fatih Kanunnamesi* (kod undang-undang) pertama bagi Kerajaan Uthmaniyah yang memerintahkan penubuhan pelbagai jawatan organisasi, menghasilkan satu bentuk undang-undang yang sesuai dengan geografi kerajaan tersebut yang semakin berkembang serta organisasi negara selepas pembukaan kota Constantinople.³⁹

Sebagai pemimpin Islam yang berjiwa rakyat dan berwawasan, Sultan Muhammad II memahami bahawa mengekalkan kestabilan dan keharmonian dalam kota Constantinople memerlukan suatu penghormatan terhadap kepelbagaian agama. Untuk itu, Sultan Muhammad II membenarkan agama Kristian untuk diamalkan dengan mengekalkan gereja dan pengamalan mazhab Orthodox mereka.⁴⁰ Sultan Muhammad II juga telah melarang tentera-tenteranya dari menganiaya golongan yang lemah seperti wanita, kanak-kanak dan golongan tua yang tidak terlibat dalam peperangan. Malah, selepas pembukaan kota tersebut, golongan wanita, kanak-kanak, golongan tua dan orang-orang yang tidak menyertai peperangan dibebaskan dan mereka bebas memilih agama yang ingin dianuti sama ada memeluk Islam atau kekal dengan fahaman mereka yang asal. Mereka juga dibenarkan untuk tinggal di Kota Constantinople atau memilih untuk keluar dari kota tersebut dengan jaminan keamanan yang diberikan.⁴¹

Ketaqwaan dan Keimanan yang Teguh

Umum mengetahui bahawa, sejak berusia muda, Sultan Muhammad II telah dididik dan dibesarkan dalam suasana pendidikan Islam yang ketat. Beliau dididik oleh ulama terkenal seperti Sheikh Shamsuddin al-Wali, yang bukan sahaja mengajar ilmu duniawi, bahkan juga mengukuhkan ketaqwaan dalam diri beliau. Pendidikan ini membentuk Sultan Muhammad II menjadi seorang pemimpin yang sentiasa bergantung kepada Allah SWT dalam setiap tindakan serta sentiasa menjadikan agama Islam sebagai panduan utama dalam melaksanakan sesuatu perkara. Sultan Muhammad II telah menghafal 30 juzuk al-Quran sejak dari kecil. Malah, beliau juga tidak pernah meninggalkan solat lima waktu, solat *rawatib* dan solat *tahajjud* sejak beliau *baligh* sehingga hujung nyawanya. Beliau juga sering berpuasa sunat dan sentiasa berpuasa walaupun berada di medan perang. Sultan Muhammad II turut memastikan tentera-tenteranya agar tidak meninggalkan solat fardu, solat *tahajjud* dan sentiasa memperingatkan mereka supaya melazimi zikir pada setiap malam sepanjang waktu peperangan. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan serta memperkuat spiritual seorang pejuang agama dan yakin dengan sepenuh hati bahawa bantuan Allah SWT sentiasa mengiringi mereka.⁴²

³⁹ "The Code, Mehmed the Conqueror," laman sesawang The Ottomans, diakses 5 Mei 2025, http://www.theottomans.org/english/campaigns_army/Mehmed-the-Conqueror-5.asp

⁴⁰ Zulkifli Mohamad Al-Bakri, "Kisah Pemimpin yang Unggul: Sultan Muhammad al-Fateh," laman sesawang Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, diakses 27 April 2025, <https://zulkifliabakri.com/sultan-muhammad-al-fateh/>

⁴¹ Nor Asmawati Ismail et al., "Tokoh Tamadun Islam Sultan Muhammad Al-Fatih Dipandang Dari Sudut Personaliti," (Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management, 23-24 November 2019), 7.

⁴² Nor Asmawati Ismail et al., "Tokoh Tamadun Islam Sultan Muhammad Al-Fatih Dipandang Dari Sudut Personaliti," (Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management, 23-24 November 2019), 5.

Kemenangan Sultan Muhammad II bukan sekadar hasil ketajaman strategi ketenteraan atau kekuatan fizikal tenteranya, tetapi kerana keyakinannya kepada janji Allah SWT dan Rasulullah SAW. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad mengenai pembukaan kota Constantinople menjadi salah satu pendorong terbesar keimanan Sultan Muhammad II. Beliau meyakini hadis tersebut dengan sepenuh hati. Iman beliau juga tidak mudah goyah walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran berat seperti ketahanan tembok Constantinople yang hampir mustahil untuk ditembusi, kekurangan bekalan makanan serta tekanan daripada tentera pihak musuh. Namun begitu, beliau tetap teguh berdiri dan istiqamah dalam meneruskan perjuangannya meraih kota Constantinople tersebut dan akhirnya Allah SWT menganugerahkan kemenangan ke atasnya. Oleh kerana itu, kemenangan yang dicapai oleh Sultan Muhammad II tidak membawa kepada kezaliman, tetapi lebih kepada keadilan, keamanan dan pembangunan yang berteraskan Islam. Hal ini jelas membuktikan bahawa keimanan dan ketaqwaan adalah kunci sebenar dalam memperoleh kejayaan di dunia mahupun di akhirat.

Sultan Selim I (*Yavuz Sultan Selim*): Peneguh Kekhilafahan Islam

1. Latar Belakang

Sultan Selim I, atau dikenali sebagai *Salim al-Awwal* dan *Yavuz Sultan Selim*, merupakan antara sultan bagi Kerajaan Uthmaniyah yang paling berpengaruh dalam sejarah Islam. Beliau merupakan putera kepada Sultan Bayezid I. Pada ketika itu, Kerajaan Uthmaniyah mengalami ketegangan dalaman akibat perebutan kuasa antara pewaris. Namun begitu, melalui kebijaksanaan politik dan kekuatan ketenteraan, Sultan Selim I berjaya mengatasi saingan-saingannya dan berjaya menaiki takhta pada tahun 1512. Walaupun tempoh pemerintahannya agak singkat (1512-1520), beliau telah berjaya mengembangkan wilayah takluk Uthmaniyah secara besar-besaran serta memainkan peranan signifikan dalam penyatuan dunia Islam dengan membawa institusi khilafah ke dalam genggamannya Uthmaniyah. Beliau sering dianggap sebagai sultan Uthmaniyah pertama yang melaksanakan amalan membunuh putera sultan yang lain dan waris lelaki sebaik sahaja memegang takhta sultan.⁴³ Amalan tersebut hanya dibenarkan berdasarkan kod undang-undang yang digubal oleh Sultan Muhammad II iaitu *Fatih Kanunnamesi*, di mana putera raja yang bakal menaiki takhta dibenarkan untuk membunuh saudara lelakinya bagi menjamin kestabilan dan kelangsungan dinasti.⁴⁴ Natijahnya, beliau bukan sahaja membunuh semua adik-beradik lelaki dan anak saudara lelakinya sebaik sahaja menjadi sultan, malah beliau turut membunuh semua empat anak lelakinya kecuali Sulaiman I sebagai pewaris tunggal.

Sebelum zaman Sultan Selim I, dunia Islam terbahagi kepada beberapa kuasa besar, antaranya Dinasti Mamluk di Mesir, Syria dan Hijaz (Mekah dan Madinah), Empayar Safavid di Parsi yang berfahaman Syiah dan beberapa kerajaan kecil di Anatolia dan Balkan. Perpecahan ini menyebabkan dunia Islam menjadi lemah apabila menghadapi ancaman dari luar, khususnya dari kuasa Barat yang sedang mengalami revolusi dan mula bangkit seperti Portugis dan Sepanyol. Sultan Selim I menyedari bahawa perlunya satu kuasa pusat yang kukuh dan stabil bagi menyatukan umat Islam di seluruh pelusuk dunia. Salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh dunia Islam Sunni ketika itu ialah Empayar Safavid di Parsi yang sangat kuat pengaruh fahaman Syiah. Pada tahun 1514, Sultan Selim I telah memimpin tentera

⁴³ Abu Hanifah Haris, "Sejarah Kerajaan Uthmaniyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad ke-14 Hingga Abad ke-20," *Journal of Al-Tamaddun* 15.1 (2020), 88.

⁴⁴ Zeynep Tarim-Ertug, "Enthronement and Accession Ceremony (Culus)," dalam *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, ed. Gabor Agoston & Bruce Masters, (New York: Facts on File Inc., 2009), 134.

Uthmaniyah menentang Shah Ismail I dari Safavid dalam Perang Chaldiran. Peperangan ini berakhir dengan kemenangan bagi pihak Uthmaniyah ke atas Empayar Safavid dari Parsi.⁴⁵ Impaknya, Uthmaniyah berjaya menguasai timur Anatolia dan utara Iraq. Malah, pertempuran ini menandakan permulaan bagi 41 tahun peperangan yang menghancurkan kedua-dua khilafah Islam yang hanya berakhir pada tahun 1555 dengan Perjanjian Amasya. Kemenangan ini bukan sahaja mempertahankan aqidah Sunni di wilayah tersebut, malah memperkukuhkan kedudukan Uthmaniyah sebagai pelindung dunia Islam. Selepas memenangi Perang Chaldiran, Sultan Selim I meneruskan peluasan wilayahnya dengan menguasai Dulgadir dan Anada (selatan Anatolia) pada tahun 1514, serta menakluki Diyarbekir pada tahun 1516.⁴⁶

Sultan Selim I kemudiannya memimpin ketenteraan besar-besaran ke atas Dinasti Mamluk yang berpusat di Mesir, Syria dan Hijaz. Terdapat beberapa siri peperangan yang disertai oleh Sultan Selim I bagi menumpaskan Dinasti Mamluk. Antaranya ialah Perang Marj Dabiq pada tahun 1516 yang dilaksanakan di Syria. Perang ini berakhir dengan kemenangan bagi Uthmaniyah dan jatuhnya tentera Mamluk yang akhirnya membuka jalan buat tentera Uthmaniyah meneruskan lagi kemaraan ke Mesir. Di Mesir, Sultan Selim I berjaya lagi menumpaskan pemerintah baharu kerajaan Mamluk, Tuman Bay II di Kaherah dalam Perang Ridaniyah dan akhirnya berjaya menawan Kaherah pada tahun 1517. Akibat daripada penaklukan yang dilakukan oleh Sultan Selim I, Mesir, Syria, Palestin dan Hijaz disatukan di bawah Kerajaan Uthmaniyah. Malah, Sultan Selim I juga mengambil amanah dengan menjaga Tanah Suci Mekah dan Madinah serta mengukuhkan status rohaniah Uthmaniyah di dalam dunia Islam.⁴⁷

Sehubungan dengan itu, Sultan Selim I turut menerima gelaran Khalifah daripada al-Mutawakkil III iaitu Khalifah Abbasiyah terakhir di Mesir secara simbolik memindahkan Khilafah Islamiah kepada Uthmaniyah secara keseluruhannya. Peristiwa ini menandakan bertukarnya status Kerajaan Uthmaniyah kepada Khilafah Uthmaniyah, yang juga dikenali sebagai pemimpin rasmi dunia Islam, yang diterima dan dipersetujui secara meluas oleh seluruh umat Islam sejagat.⁴⁸ Sultan Selim I meninggal dunia pada tahun 1520 dan menyerahkan takhta kepada satu-satunya pewaris tunggal Khilafah Uthmaniyah iaitu puteranya Sultan Sulaiman I.

2. Nilai-Nilai Kepimpinan Sultan Selim I

Keberanian dan Ketegasan

Seperti yang sedia maklum, keberanian dalam membuat sesuatu keputusan besar merupakan sifat utama yang membezakan pemimpin luar biasa daripada pemimpin biasa. Dalam konteks Sultan Selim I, beliau berupaya menonjolkan contoh terbaik dalam menggabungkan ketajaman politik dengan keberaniannya yang luar biasa ketika menentang musuh-musuh Islam. Keputusan-keputusan yang diambil oleh Sultan Selim I ini bukan sahaja mengubah nasib Kerajaan Uthmaniyah, bahkan juga membawa impak yang signifikan kepada dunia Islam

⁴⁵ Abu Hanifah Haris, "Sejarah Kerajaan Uthmaniyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad ke-14 Hingga Abad ke-20," *Journal of Al-Tamaddun* 15.1 (2020), 88.

⁴⁶ Colin Imber, "The Ottoman Empire, 1300-1650" (2002), 46.

⁴⁷ Hangpcdua Malaya, "Mamluk: Tentera Hamba Menjadi Raja," laman sesawang The Patriots, diakses 5 Mei 2025, <https://thepatriots.asia/mamluk-tentera-hamba-menjadi-raja/>

⁴⁸ Konstantin Kapidagli, "Selim I," laman sesawang World History Encyclopedia, diakses 27 April 2025, https://www.worldhistory.org/disambiguation/Selim_I/

secara keseluruhannya. Sebelum menaiki takhta, Sultan Selim I menghadapi cabaran getir daripada pesaing-pesaing politik dalam keluarganya sendiri, namun begitu beliau berjaya mengalahkan adik-beradiknya dengan keberanian dan ketegasan, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai Sultan bagi Kerajaan Uthmaniyah pada tahun 1512. Di samping itu, antara keputusan besar yang berjaya dilaksanakan oleh Sultan Selim I ialah beliau berani mengisytiharkan perang terhadap Empayar Safavid di Iran, yang merupakan kuasa besar fahaman Syiah. Walaupun mengetahui bahawa tentera Safavid mempunyai kekuatan yang agak kuat, namun Sultan Selim I tetap berani dan tidak gentar menggerakkan bala tenteranya untuk menyerang Shah Ismail I iaitu pemerintah Parsi. Jelaslah di sini, keberanian Sultan Selim I bukan berlandaskan keangkuhan, tetapi berteraskan ketaqwaan, visi jauh serta keinsafan terhadap tanggungjawab dan amanah sebagai pemimpin umat Islam.

Seperti yang diketahui, ketegasan dalam kepimpinan sering menjadi faktor penting dalam menegakkan keadilan serta mewujudkan kesatuan umat sejagat. Dalam konteks ini, Sultan Selim I adalah tokoh yang paling signifikan untuk dicontohi, di mana beliau merupakan seorang pemimpin yang sentiasa mengamalkan ketegasan berprinsip demi mencapai kestabilan politik dan menyatukan dunia Islam di bawah satu kuasa dominan yang sah dan kukuh. Ketegasan beliau dalam menghadapi cabaran dan ancaman dari luaran dan dalaman, serta keteguhan beliau dalam menguruskan wilayah yang luas dan berbilang agama dan bangsa, menjadi asas kekuatan dan kehebatan Uthmaniyah untuk berabad-abad lamanya. Ketegasan Sultan Selim I bukan hanya dari aspek ketenteraan dan politik, malah beliau juga tegas dalam aspek pengurusan rakyat jelata. Beliau telah melaksanakan undang-undang syariah secara konsisten di seluruh wilayah jajahannya dan mengenakan tindakan undang-undang kepada pesalah tanpa mengira kedudukan atau bangsa. Sultan Selim I juga menunjukkan sikap tegasnya dalam menyatukan umat Islam, di mana selepas berjaya menakluki Dinasti Mamluk, beliau segera menyatukan Asia Barat di bawah satu panji Khilafah Uthmaniyah dan sekali gus memegang amanah untuk menjaga Tanah Suci umat Islam.

Kecekapan dalam Strategi dan Taktikal Ketenteraan

Sebagai seorang tokoh Uthmaniyah yang digelar *Yavuz* yang bermaksud “Yang Gagah” atau “Yang Tegas”, Sultan Selim I sentiasa mempamerkan tahap kecekapan yang tinggi khususnya dalam merangka dan melaksanakan strategi serta taktik ketenteraan yang luar biasa. Salah satu aspek paling menonjol dalam kecekapan Sultan Selim I ialah kemahirannya menyusun logistik dan mobilisasi tentera berskala besar. Hal ini dapat dibuktikan semasa kempen ketenteraannya ke atas Empayar Mamluk. Beliau berjaya mengatur perjalanan ribuan bala tenteranya dari Anatolia ke wilayah Syam dan seterusnya ke Mesir dalam jangka masa yang singkat tanpa menjejaskan disiplin serta kecekapan pasukannya.

Di samping itu, Sultan Selim I juga diangkat sebagai pemerintah Uthmaniyah yang terawal yang berjaya memanfaatkan sepenuhnya penggunaan senjata api dan artileri moden dalam kempen ketenteraannya. Sebagai contoh, dalam Perang Chaldiran (1514) iaitu semasa beliau menentang Safavid, Sultan Selim I berjaya menumpaskan tentera Shah Ismail yang pada ketika itu, tentera mereka masih lagi bergantung kepada taktik berkuda, tidak seperti tentera Sultan Selim I yang sudah bijak menggunakan meriam dan senapang api ketika menentang musuh. Hal ini menjadikan kecekapan taktikal sebagai kelebihan utama bagi tentera-tentera Uthmaniyah pada ketika itu. Justeru, kebolehan Sultan Selim I ini menunjukkan bahawa beliau bukan sahaja memiliki kelebihan dalam strategi konvensional, bahkan juga memiliki daya

adaptasi terhadap inovasi teknologi ketenteraan, yang mana ia berupaya memperkuat kedudukan Uthmaniyah sebagai khilafah moden pada zamannya.

Seperkara lagi, serangan ke atas Empayar Mamluk menerusi Perang Marj Dabiq (1516) dan Perang Ridaniyah (1517) merupakan antara contoh kecekapan Sultan Selim I dalam memilih masa, tempat dan pendekatan serangan. Dapat dibuktikan bahawa, kedua-dua kempen ini berjaya diselesaikan dengan pantas dan sangat efektif yang pada akhirnya membolehkan Sultan Selim I menakluk wilayah Damsyik, Kaherah serta Hijaz dalam masa kurang daripada dua tahun sahaja. Untuk itu, kecekapan Sultan Selim I menandakan bahawa, kefahaman yang mendalam serta strategi yang berkesan semasa kempen peperangan seperti mengetahui kedudukan musuh dan kelemahan struktur pertahanan merupakan aspek yang paling mustahak yang perlu diambil perhatian bagi seseorang pemimpin demi memastikan kemenangan dapat dicapai dengan jayanya.

Visi Penyatuan Umat Islam

Umum mengetahui bahawa, kejayaan dan kegemilangan sesebuah empayar tidak semata-mata bergantung kepada kekuatan ketenteraan, akan tetapi ia lebih kepada wawasan politik yang jelas dan jauh ke hadapan. Dalam konteks dunia Islam, Sultan Selim I dikenang sebagai seorang pemimpin yang memiliki visi besar untuk menyatukan umat Islam di bawah satu saf kepimpinan yang unggul dan kukuh. Dalam tempoh pemerintahan yang singkat tetapi intensif selama 8 tahun, beliau berupaya mengubah Kerajaan Uthmaniyah menjadi pusat kekhalifahan Islam global melalui langkah yang strategik dan sistematik. Wawasan politik Sultan Selim I berpusat pada tiga matlamat utama, antaranya ialah penyatuan politik Islam di bawah satu kepimpinan, di mana beliau melihat perpecahan dunia Islam sebagai satu punca kelemahan utama yang menghalang kemajuan umat Islam sejagat. Seterusnya, pembentukan sebuah khilafah Islam yang kuat dan kukuh mampu menandingi kuasa-kuasa Eropah. Di samping itu, pemulihan sistem kekhalifahan yang sejati dengan mengangkat nama Uthmaniyah sebagai satu-satunya pewaris khilafah Islam yang sah. Nilai wawasan terbilang ini menjadikan Sultan Selim I seorang pemimpin yang berfikiran jauh dan strategik, di mana beliau memandang kepentingan umat Islam melebihi kepentingan peribadi atau perluasan wilayah semata-mata.

Setiap tindakan Sultan Selim I, sama ada ketika peperangan, pentadbiran atau urusan diplomatik, beliau sentiasa menunjukkan kesetiaannya terhadap prinsip dan misi Islam. Hal ini dapat dibuktikan apabila beliau berjuang habis-habisan demi mempertahankan aqidah Sunni *Ahli Sunnah Wal Jamaah* daripada ancaman dalaman dan luaran. Dalam usaha tersebut, beliau berjaya menentang Shah Ismail I dari Empayar Safavid yang mengamalkan fahaman Syiah. Malah, Sultan Selim I menjunjung tinggi syariat Islam dalam pengurusan wilayah yang baharu ditakluk olehnya, di mana beliau menyebarkan dakwah Islam secara damai di kawasan-kawasan yang telah ditakluk dengan membina masjid, madrasah dan pusat ilmu. Di samping itu, selepas menakluk Mesir dan Hijaz, Sultan Selim I menerima tanggungjawab besar, di mana beliau telah mengambil amanah untuk menjaga kehormatan dan keselamatan dua kota suci bagi umat Islam iaitu Mekah dan Madinah dengan penuh rasa tanggungjawab. Beliau juga menghantar sumbangan besar, tenaga kerja dan pembaikan kepada dua Tanah Haram tersebut demi memastikan kemaslahatan jemaah haji sentiasa terjamin dan terpelihara.

Ketaqwaan dan Amanah dalam Menjaga Agama

Ketaqwaan pemimpin dan kesungguhannya dalam menjaga amanah agama merupakan perkara utama dalam mencapai satu titik kejayaan bagi sesuatu pemerintahan. Hal ini dapat dibuktikan oleh Sultan Selim I dalam pemerintahannya, di mana beliau sentiasa menzahirkan ketaqwaan tinggi kepada Allah SWT serta memikul tanggungjawabnya sebagai pemimpin Kerajaan Uthmaniyah dengan penuh amanah dan dedikasi. Melalui ketaqwaan dan kesedaran terhadap amanah tersebut, beliau berjaya menyatukan dunia Islam di bawah satu panji khilafah Islam Uthmaniyah serta melindungi Tanah Suci Mekah dan Madinah daripada sebarang serangan musuh dari dalaman dan luaran. Beliau sentiasa mengutamakan kepentingan Islam dan rakyatnya berbanding kepentingan politik peribadi atau kekuasaan duniawi. Sikap ini menepati firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa' ayat 58:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menunaikan amanah kepada yang berhak menerimanya... (An-Nisa' 3:58)

Sultan Sulaiman I (Suleiman I, *al-Qanuni*): Pemimpin Era Keemasan

1. Latar Belakang

Sultan Sulaiman I dilahirkan pada 6 November 1494 di Trabzon, Turki. Sultan Sulaiman I merupakan satu-satunya putera kepada Sultan Selim I yang masih hidup setelah semua adik-beradik lelaki yang lain dibunuh. Beliau dikenali sebagai Sultan Sulaiman I dan juga sebagai *Sulaiman the Magnificent* dalam kalangan sarjana Barat. Sultan Sulaiman I merupakan Sultan bagi Kerajaan Uthmaniyah ke-10 yang memerintah dari tahun 1520 hingga 1566.⁴⁹ Sejak berusia muda, Sultan Sulaiman I telah menerima pendidikan yang lengkap dan menyeluruh terutamanya dalam bidang sains, sejarah, sastera, teologi serta pintar dalam bidang ketenteraan di Istana Topkapi, Istanbul.⁵⁰ Beliau juga pernah dilantik menjadi seorang gabenor di beberapa wilayah terkenal seperti Kaffa dan Manisa, di mana ia berupaya memberi pengalaman awal kepadanya dalam bidang pentadbiran dan pemerintahan.⁵¹

Sultan Sulaiman I menaiki takhta bagi menggantikan ayahnya, Sultan Selim I pada 30 September 1520 ketika beliau berusia 26 tahun, 8 hari selepas kewafatan ayahnya. Pemerintahannya merupakan pemerintahan paling lama dalam sejarah Kerajaan Uthmaniyah iaitu selama 46 tahun.⁵² Pemerintahan Sultan Sulaiman I juga dianggap sebagai zaman keemasan, di mana khilafah tersebut telah mencapai kemuncak dalam pelbagai aspek termasuk kekuatan politik, ketenteraan, ekonomi dan kebudayaan. Sultan Sulaiman I memperluas wilayah Uthmaniyah ke Eropah Tengah, Asia Barat dan Afrika Utara melalui kempen ketenteraan yang berjaya. Selain kejayaan dalam aspek ketenteraan, Sultan Sulaiman I juga terkenal dengan pembaharuan undang-undang yang menyatukan hukum sivil (Kanun) dengan syaria Islam. Bukan hanya menyusun dan mengkaji sistem undang-undang Kerajaan Uthmaniyah yang sebelum ini digunakan sejak pemerintahan Sultan Muhammad II, malah beliau juga secara konsisten dan tegas melaksanakan segala undang-undang tersebut ketika

⁴⁹ Abu Hanifah Haris, "Sejarah Kerajaan Uthmaniyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad ke-14 Hingga Abad ke-20," *Journal of Al-Tamaddun* 15.1 (2020), 89.

⁵⁰ Liris Maulina & Rahman Latif Alfian, "Sejarah Kepimpinan Sulaiman I Pada Masa Kesultanan Turki Utsmani di Turki (1520-1566 M)," *Jurnal Sejarah Islam* 2.2 (2023), 51.

⁵¹ "Süleyman the Magnificent," laman sesawang Britannica, diakses 1 Mei 2025, <https://www.britannica.com/biography/Suleyman-the-Magnificent>

⁵² Liris Maulina & Rahman Latif Alfian, "Sejarah Kepimpinan Sulaiman I Pada Masa Kesultanan Turki Utsmani di Turki (1520-1566 M)," *Jurnal Sejarah Islam* 2.2 (2023), 51.

menaungi kerajaan Islam tersebut. Hal ini menjadikannya digelar sebagai “*al-Qanuni*” atau “Pemberi Undang-Undang”.

Di samping itu, Sultan Sulaiman I juga dikenali sebagai penaung seni dan budaya, menyokong sepenuhnya dalam aspek pembangunan seni bina, sastera dan pendidikan ketika era pemerintahannya. Malah, ketika berada di bawah naungan beliau, arkitek terkenal iaitu Mimar Sinan telah berjaya menghasilkan karya agung seperti Masjid Süleymaniye di Istanbul. Selain itu juga, Sultan Sulaiman I sendiri merupakan seorang penyair yang menulis pelbagai karya seperti puisi dengan menggunakan nama penanya “Muhibbi”. Sultan Sulaiman I mangkat pada tahun 1566, pada usia 71 tahun semasa beliau menyertai kempen ketenteraan di Szigetvár, Hungary. Jenazahnya dikebumikan di Masjid Süleymaniye, Istanbul. Kewafatan Sultan Sulaiman I dianggap sebagai satu pemergian yang besar bagi Kerajaan Uthmaniyah. Pemerintahannya selama 46 tahun meninggalkan legasi yang menyeluruh dan mendalam bagi sejarah Islam dan dunia kontemporari, menjadikannya salah satu tokoh paling berpengaruh dan sangat dihormati dalam sejarah Kerajaan Uthmaniyah.⁵³

2. Nilai Kepimpinan Sultan Sulaiman I

Keadilan dan Ketegasan dalam Pemerintahan

Seperti yang diketahui, Sultan Sulaiman I digelar dengan panggilan “*al-Qanuni*” kerana usahanya dalam menyusun dan mengkodifikasikan undang-undang Uthmaniyah yang pada asalnya, undang-undang tersebut telah dilaksanakan semasa era pemerintahan Sultan Muhammad II. Dengan usaha yang dilakukan oleh beliau, undang-undang ini mampu menyatukan hukum-hukum syariah dengan hukum sivil supaya ia lebih memudahkan untuk dilaksanakan dan diaplikasikan. Hal ini juga bertujuan untuk memastikan keadilan dapat ditegakkan secara konsisten dan sistematik di seluruh wilayah pemerintahannya. Sultan Sulaiman I bersama Sheikh al-Islam Ebussuud Efendi telah menyelaraskan undang-undang sivil dengan hukum Syariah bagi menghasilkan kod undang-undang yang dikenali sebagai *Kanun-i Osmani*. Kod ini merangkumi beberapa aspek yang diketengahkan seperti cukai, tanah, jenayah dan pentadbiran. Kod undang-undang ini juga digunakan semasa pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah selama lebih 300 tahun.

Sultan Sulaiman I sentiasa menunjukkan ketegasan dalam memastikan kestabilan dan kemakmuran kerajaan Islam Uthmaniyah sentiasa terjamin. Beliau tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap ancaman dalaman, termasuk menjatuhkan hukuman mati terhadap puteranya sendiri yang bernama Mustafa pada 5 Oktober 1533 kerana disyaki cuba untuk merampas kuasa dan merancang pemberontakan ke atas pemerintahannya. Walaupun tindakan ini agak kontroversial, ia tetap menunjukkan komitmen dan ketegasan Sultan Sulaiman I terhadap kestabilan dan keselamatan kerajaan tersebut.⁵⁴ Pada peringkat awal pemerintahan, Sultan Sulaiman I menghadapi empat pemberontakan secara serentak yang dilakukan oleh gabenor-gabenor wilayah yang menganggap beliau sebagai pemimpin muda, lemah dan tidak mampu mentadbir kerajaan dengan baik dan sempurna. Namun begitu, dengan ketegasan dan kepimpinan yang bijaksana dan cekap, beliau berjaya menumpaskan semua

⁵³ Liris Maulina & Rahman Latif Alfian, “Sejarah Kepimpinan Sulaiman I Pada Masa Kesultanan Turki Utsmani di Turki (1520-1566 M),” *Jurnal Sejarah Islam* 2.2 (2023), 52.

⁵⁴ Gabor Agoston, “Suleyman I,” dalam *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, ed. Gabor Agoston & Bruce Masters (New York: Facts on File Inc.), 545.

pemberontakan yang berlaku tersebut, sekali gus memperkukuhkan kedudukan dan takhtanya sebagai pemerintah Kerajaan Uthmaniyah yang berwibawa dan kompeten.⁵⁵

Kebijaksanaan dan Kepimpinan Ketenteraan

Bagi memperluaskan wilayah takluknya, Sultan Sulaiman I menggunakan kebijaksanaan dalam menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara kecil di sekitarnya dan memanfaatkan konflik dalaman yang berlaku di dalam wilayah sasaran tersebut. Antara negara-negara kecil yang beliau jalinkan hubungan diplomatik ialah Wallachia, Moldavia, Transylvania dan Crimea. Negara-negara ini dibenarkan untuk mengekalkan pemerintahan tempatan mereka selagi mereka membayar ufti dan tidak menentang pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah. Selain daripada tujuan perluasan wilayah, hubungan diplomatik ini juga penting bagi mengelakkan berlakunya sebarang peperangan berterusan dengan kuasa kecil yang tidak memberi sebarang tekanan yang besar secara langsung. Malah, ia juga bertujuan untuk membina pengaruh politik dan ketenteraan serta meletakkan negara-negara ini sebagai zon penampan (*buffer zone*) antara Uthmaniyah dengan musuh utama seperti Empayar Habsburg dan Rusia.⁵⁶

Di samping itu, pada tahun 1536, Sultan Sulaiman I telah mengadakan pakatan dengan kerajaan Perancis di bawah pimpinan Raja Francis I.⁵⁷ Pakatan ini dikenali sebagai Persekutuan Perancis-Uthmaniyah (*Franco-Ottoman Alliance*). Pakatan ini dijalankan bersama Raja Francis I dalam usaha untuk menghadapi musuh yang sama iaitu Empayar Habsburg yang pada ketika itu diketuai oleh Charles V. Pakatan ini juga dianggap sesuatu perkara yang luar biasa kerana ia merupakan pakatan diplomatik antara kerajaan Islam dan Kristian. Hasil daripada pakatan ini, ia dapat membuktikan kebijaksanaan Sultan Sulaiman I dalam mengadaptasikan diplomasi realpolitik dengan meletakkan kepentingan strategik melebihi perbezaan agama, malah ia berjaya menjadikan Kerajaan Uthmaniyah sebagai satu kuasa penting dalam percaturan politik Eropah.⁵⁸

Sultan Sulaiman I juga terkenal dengan keupayaannya dalam merancang dan menyusun strategi ketenteraan dengan cermat dan sistematik. Malah, beliau sendiri mencemah duli untuk turut serta dalam medan peperangan serta berani menunjukkan kepimpinan dari barisan hadapan. Hal ini merupakan sesuatu yang mampu meningkatkan moral dan semangat kepada bala tenteranya dan menimbulkan ketakutan dan kegusaran dalam kalangan musuh. Sultan Sulaiman I juga menggunakan pendekatan gabungan antara kekuatan daratan dan lautan, yang membolehkan kerajaan Uthmaniyah menguasai beberapa laluan strategik di Mediterranean dan Asia Barat. Antara sumbangan terbesar Sultan Sulaiman I dalam aspek ketenteraan ialah beliau berjaya menguasai Belgrade (Serbia) pada tahun 1521 dan menguasai Pulau Rhode (Greek) pada tahun 1522.⁵⁹

⁵⁵ Hanifah, "Peran Sultan Sulaiman al-Qanuni dalam Membangun Kejayaan Kesultanan Turki Utsmani pada Abad ke-16" (disertasi Sarjana Humoniora (Sejarah Kebudayaan Islam), IAIN Syekh Nurjati Cirebon, 2016), 7.

⁵⁶ Matthew Pearsall, "Madjaristan: The Ottomans in Hungary 1520-1686," *WWU Honors Program Senior Projects* (2000), 8.

⁵⁷ Liris Maulina & Rahman Latif Alfian, "Sejarah Kepimpinan Sulaiman I Pada Masa Kesultanan Turki Utsmani di Turki (1520-1566 M)," *Jurnal Sejarah Islam* 2.2 (2023), 55.

⁵⁸ Iqbal Harraz, "Heyreddin Barbarossa: Ketua Armada Laut Uthmaniyah Yang Dilupakan," laman sesawang The Patriots, diakses 1 Mei 2025, <https://thepatriots.asia/heyreddin-barbarossa-ketua-armada-laut-uthmaniyah-yang-dilupakan/>

⁵⁹ Abu Hanifah Haris, "Sejarah Kerajaan Uthmaniyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad ke-14 Hingga Abad ke-20," *Journal of Al-Tamaddun* 15.1 (2020), 89.

Selain daripada itu, Sultan Sulaiman I turut berjaya menewaskan tentera Hungary yang diketuai oleh Raja Lajos II dalam Pertempuran Mohacs pada tahun 1526.⁶⁰ Pada tahun 1529 pula, beliau telah terlibat dalam Perang Vienna (Austria) menentang kerajaan Habsburg yang dianggap sebagai pintu gerbang Eropah. Namun begitu, usahanya menemui jalan buntu kerana keadaan cuaca yang tidak mengizinkan dan tenteranya yang keletihan akibat terlalu lama berperang. Walaupun gagal menawan kota tersebut, kempen peperangan ini menunjukkan kekuatan Kerajaan Uthmaniyah di bawah pimpinan Sultan Sulaiman I mampu mengancam jantung Eropah dan mengejutkan kuasa-kuasa Kristian.

Di bawah pemerintahan Sultan Sulaiman I, Kerajaan Uthmaniyah juga berjaya mencapai dominasi maritim di Laut Mediterranean dan Laut Merah. Beliau telah melantik Khairuddin Barbarossa sebagai laksamana agung, yang berjaya menumpaskan armada Sepanyol dan mengukuhkan penguasaan maritim Uthmaniyah. Pada tahun 1538, armada Uthmaniyah di bawah pimpinan Barbarossa berjaya menawan pulau-pulau kerajaan Venezia di Laut Aegean seperti Naxos, Paros, Santorini dan Andros. Akibat kekalahan yang berlaku, kerajaan Venezia bertindak untuk mengumpulkan para sekutunya dan pada bulan Februari tahun yang sama, gabungan Liga Suci dari Pope III, Raja Charles V, Raja Ferdinand dari Austria dan Kerajaan Venezia terbentuk. Pada 28 September 1538, berlangsungnya Perang Preveza yang merupakan pertempuran laut berhampiran Preveza di Greece antara armada laut Uthmaniyah dan pakatan Kristian yang dihimpunkan oleh Pope III. Perang ini berakhir dengan kemenangan bagi pihak armada laut Uthmaniyah.⁶¹

Komitmen terhadap Ilmu dan Budaya

Sultan Sulaiman I bukan sahaja dikenali dengan kegemilangannya dalam memimpin ketenteraan dan pentadbirannya yang unggul, tetapi beliau juga penaung utama kepada institusi ilmu dan para ulama. Di bawah pemerintahannya, Kerajaan Uthmaniyah mengalami kemajuan pesat dalam bidang pendidikan dan kebudayaan sehingga menjadikan era pemerintahannya sebagai salah satu zaman keemasan peradaban Islam. Sultan Sulaiman I telah membina pelbagai institusi pendidikan, terutamanya madrasah, perpustakaan dan kompleks keilmuan yang terletak dalam masjid-masjid utama. Malah, institusi-institusi ini bukan sahaja mengetengahkan ilmu agama semata-mata, bahkan juga merangkumi bidang matematik, sains, perubatan, falsafah dan astronomi. Sebagai contoh, Kompleks Masjid Süleymaniye atau dikenali sebagai *Kanuni Sultan Süleyman Külliyesi*. Kompleks ini merupakan hasil karya arkitek terkenal iaitu Mimar Sinan. Selain mengandungi 4 buah madrasah (pengajian Islam) dan masjid, kompleks ini turut mempunyai sekolah perubatan dan farmasi, hospital, perpustakaan, rumah kebajikan dan setiap hari, dapur kompleks ini menyajikan makanan untuk 1000 orang miskin tanpa mengira agama dan bangsa.⁶²

Di samping itu, Sultan Sulaiman I juga sangat menghormati ulama dan sering melantik mereka sebagai penasihat dan pembimbing utama khususnya dalam pentadbiran dan kehakiman. Dalam struktur pentadbiran Uthmaniyah, jawatan mufti agung iaitu *Sheikh al-*

⁶⁰ Matthew Pearsall, "Madjaristan: The Ottomans in Hungary 1520-1686," *WWU Honors Program Senior Projects* (2000), 7.

⁶¹ Iqbal Harraz, "Heyreddin Barbarossa: Ketua Armada Laut Uthmaniyah Yang Dilupakan," laman sesawang The Patriots, diakses 1 Mei 2025, <https://thepatriots.asia/heyreddin-barbarossa-ketua-armada-laut-uthmaniyah-yang-dilupakan/>

⁶² Muhammad Farhan Wijaya & Mohd Dani Muhamad, "Pengurusan Fasilitas Masjid: Sorotan Sejarah dan Pengurusan Masa Kini" *Proceeding of the 3rd Internasional Conference on Masjid, Zakat and Waqf* (2016), 53.

Islam diberikan kuasa tinggi dalam menentukan hukum-hukum syariah dan fatwa negara. Antara ulama yang terkenal pada zaman Sultan Sulaiman I ialah Sheikh Ebussuud Efendi. Beliau diberi pangkat sebagai mufti besar yang berperanan dalam menyatukan hukum fiqh Hanafi dengan undang-undang negara iaitu *Kanun Sulaimani*. Beliau turut membantu dan memberi nasihat berpandukan syariat Islam kepada Sultan Sulaiman I khususnya dalam hal-hal yang berkaitan pentadbiran dan hukuman.⁶³

Selain daripada memberi komitmen terhadap perkembangan ilmu pengetahuan, Sultan Sulaiman I juga merupakan pemangkin seni bina dan budaya visual. Beliau menaungi arkitek teragung dalam sejarah Kerajaan Uthmaniyah, Mimar Sinan yang berjaya membina lebih 300 struktur binaan sepanjang kerjayanya. Mimar Sinan bukan sahaja mampu menghasilkan seni bina yang megah, bahkan juga menepati prinsip keindahan, fungsi dan spiritual berlandaskan Islam. Antara projek terbesar di bawah Sultan Sulaiman I ialah Masjid Süleymaniye di Istanbul. Masjid ini dianggap sebagai mahakarya seni bina Islam dan menjadi simbol kekuasaan dan kehebatan Uthmaniyah serta lambang kepada keseimbangan antara kekuatan rohani dan politik Khilafah Uthmaniyah di bawah pimpinan Sultan Sulaiman I. Selain daripada itu juga, budaya visual turut berkembang semasa era pemerintahan Sultan Sulaiman I melalui kaligrafi Islam yang menghiasi dinding-dinding masjid, manuskrip dan istana. Malah, terdapat juga ukiran batu dan kayu yang unik bertemakan geometri Islam dalam seni hiasan, penggunaan jubin İznik yang berwarna-warni dan motif tumbuhan serta *arabesque* dalam dekorasi bangunan keagamaan dan tempat-tempat awam seperti bangunan masjid dan sebagainya.

Kesimpulan

Kajian ini telah mengupas secara menyeluruh dan holistik mengenai nilai-nilai kepimpinan yang terkandung dalam kepimpinan empat tokoh terpilih bagi Kerajaan Uthmaniyah yang terawal, iaitu Uthman I, Sultan Muhammad II, Sultan Selim I dan Sultan Sulaiman I. Dengan meneliti dan mengkaji setiap tokoh tersebut, penulis dapat menyimpulkan bahawa setiap tokoh Kerajaan Uthmaniyah ini memperlihatkan dimensi kepimpinan yang tersendiri, namun begitu kesemuanya tetap berpaksikan nilai-nilai Islam yang menjadi tunjang kepada kepada kegemilangan kerajaan Islam yang bertahan selama lebih enam abad ini.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa nilai-nilai kepimpinan seperti keberanian, keadilan, keilmuan, toleransi, kesederhanaan serta kepekaan terhadap umat menjadi tunjang utama yang menyebabkan kepimpinan tokoh-tokoh Kerajaan Uthmaniyah ini dilihat sebagai satu perkara yang luar biasa dan masih relevan untuk diaplikasikan sepanjang zaman. Dapat dibuktikan juga bahawa kepimpinan mereka bukan sahaja mampu menandingi kuasa-kuasa besar dunia ketika itu seperti kuasa Empayar Byzantine, malah kepimpinan mereka turut membuktikan bahawa apabila nilai-nilai Islam dilaksanakan dalam asas pemerintahan, hasilnya pasti akan mencipta suasana pemerintahan yang harmoni, stabil serta berupaya melahirkan masyarakat yang lebih sejahtera dan berbudaya tinggi.

Oleh yang demikian, nilai-nilai kepimpinan ini sewajarnya dijadikan inspirasi dan pedoman oleh generasi pemimpin kontemporari, khususnya dalam kalangan generasi muda yang sedang membentuk jati diri kepimpinan mereka. Justeru itu, dapat dibuktikan bahawa tokoh-tokoh Kerajaan Uthmaniyah yang dipilih oleh penulis ini tidak hanya mementingkan soal kuasa dan kekuatan ketenteraan semata-mata, tetapi ia juga melibatkan amanah, ilmu,

⁶³ Abdullah Demir, "The Life of Shaykh al-Islam Ebussuud Efendi," *Journal of Quranic Studies and Modern Science* 3.6 (2022), 85.

hikmah dan tanggungjawab yang besar untuk membawa umat manusia ke arah kecemerlangan dan kegemilangan dunia dan akhirat.

RUJUKAN

- Abdullah Demir. "The Life of Shaykh al-Islam Ebussuud Efendi," *Journal of Quranic Studies and Modern Science* 3.6 (2022), 74-90.
- Abu Hanifah Haris. "Sejarah Kerajaan Uthmaniyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 hingga Abad Ke-20," *Journal of Al-Tamaddun* 15.1 (2020), 87-107.
- Ahmad Fu'ad Mutawalli & Huwaida Muhammad Fahmi. *Tarikh al-Daulah al-Uthmaniyah: Munzu Nashatiha hatta Nihayah al- 'Asr al-Zahabi* (Sejarah Kerajaan Uthmaniyah: Sejak Kemunculannya sehingga Akhir Zaman Keemasan), (al-Qahirah: Itrak lil Nashr wa al-Tauzi', 2005).
- Bassem Fleifel et al. "Osman I, Father of Kings," *WikiJournal of Humanities* 4.1 (2021), 1-16.
- Colin Imber. *The Ottoman Empire, 1300-1650: The Structure of Power*. New York: Palgrave Macmillan, 2002.
- Gabor Agoston. "Suleyman I," dalam *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, ed. Gabor Agoston & Bruce Masters. New York: Facts on File Inc., 2009.
- Gilles Veinstein. "The Great Turk and Europe," dalam *Europe and the Islamic World: A History*, ed. John Tolan, Gilles Veinstein & Henry Laurens. New Jersey: Princeton University Press, 2013.
- Hangpcdua Malaya. "Mamluk: Tentera Hamba Menjadi Raja," laman sesawang The Patriots, diakses 5 Mei 2025, <https://thepatriots.asia/mamluk-tentera-hamba-menjadi-raja/>
- Hanifah. "Peran Sultan Sulaiman al-Qanuni dalam Membangun Kejayaan Kesultanan Turki Utsmani pada Abad ke-16," *Tamaddun Jurnal Sejarah dan Kebudayaan Islam* 5.1 (2017), 98-115.
- Haziq Azhar. "Osman I dan Kisah Kebangkitan Empayar Turki Uthmaniyah," laman sesawang Jejak Tarbiah, diakses 26 April 2025, <https://www.jtbooks.my/sultan-osman-i-dan-kisah-kebangkitan-empayar-turki-uthmaniyyah/>
- Iqbal Harraz. "Heyreddin Barbarossa: Ketua Armada Laut Uthmaniyah Yang Dilupakan," laman sesawang The Patriots, diakses 1 Mei 2025, <https://thepatriots.asia/heyreddin-barbarossa-ketua-armada-laut-uthmaniyah-yang-dilupakan/>
- Konstantin Kapidagli. "Selim I," laman sesawang World History Encyclopedia, diakses 27 April 2025, https://www.worldhistory.org/disambiguation/Selim_I/
- Liris Maulina & Rahman Latif Alfian. "Sejarah Kepimpinan Sulaiman I Pada Masa Kesultanan Turki Utsmani di Turki (1520-1566 M)," *Jurnal Sejarah Islam* 2.2 (2023), 47-60.
- Matthew Pearsall. "Madjaristan: The Ottomans in Hungary 1520-1686," *WWU Honors Program Senior Projects*, 2000.
- Mohd Fikri Che Hussain. *Era Kebangkitan Kerajaan Uthmaniyah: Osman Gazi*. Selangor: Hijjaz Records Publishing, 2018.
- Muhammad Farhan Wijaya & Mohd Dani Muhamad. "Pengurusan Fasilitas Masjid: Sorotan Sejarah dan Pengurusan Masa Kini" Proceeding of the 3rd Internasional Conference on Masjid, Zakat and Waqf (2016), 49-56.
- Najmuddin Mohd Nawi. "Pelajar Dinamik, Penjana Generasi Madani: Teladan Sultan Muhammad Al-Fatih," Dibentangkan pada Konvensyen Pelajar Islam Kelantan, (18 Jun 2011).

- Nor Asmawati Ismail et al. "Tokoh Tamadun Islam Sultan Muhammad Al-Fatih Dipandang Dari Sudut Personaliti," (Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management, 23-24 November 2019), 1-8.
- Rasit Gundogdu. *The Sultans of the Ottoman Empire: Osman Ghazi*. Istanbul: Rumuz Publishing, 2017.
- Zeynep Tarim-Ertug. "Enthronement and Accession Ceremony (Culus)," dalam *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, ed. Gabor Agoston & Bruce Masters. New York: Facts on File Inc., 2009.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. "Kisah Pemimpin yang Unggul: Sultan Muhammad al-Fateh," laman sesawang Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, diakses 27 April 2025, <https://zulkiflialbakri.com/sultan-muhammad-al-fateh/>
- "About Sultan Mehmed II," laman sesawang Fatih Sultan Mehmet Vakif University, diakses 5 Mei 2025, <https://int.fsm.edu.tr/Uluslararasi-Ofis-About-Us--About-Sultan-Mehmed-II>
- "Mehmed II," laman sesawang Britannica, diakses 27 April 2025, <https://www.britannica.com/biography/Mehmed-II-Ottoman-sultan>
- "Mehmed II," laman sesawang World History Encyclopedia, diakses 26 April 2025, https://www.worldhistory.org/Mehmed_II/
- "Osman I," laman sesawang Britannica, diakses 26 April 2025, <https://www.britannica.com/biography/Osman-I>
- "Osman Gazi," laman sesawang The Ottomans, diakses 26 April 2025, <http://www.theottomans.org/english/family/osman.asp>
- "Süleyman the Magnificent," laman sesawang Britannica, diakses 1 Mei 2025, <https://www.britannica.com/biography/Suleyman-the-Magnificent>
- "The Code, Mehmed the Conqueror," laman sesawang The Ottomans, diakses 5 Mei 2025, http://www.theottomans.org/english/campaigns_army/Mehmed-the-Conqueror-5.asp